



Anwar bersama pemimpin ASEAN pada sesi pembukaan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-42 di Labuan Bajo, Indonesia.

(Foto REUTERS)

PM ulangi gesaan penubuhan Tabung Kewangan Asia

Inisiatif tingkat penggunaan mata wang tempatan, sokong pelaburan rentas sempadan

Labuan Bajo (Indonesia): Datuk Seri Anwar Ibrahim mengulangi gesaan penubuhan Tabung Kewangan Asia, sejajar dengan inisiatif ASEAN untuk mengukuhkan kebergantungan ekonomi dan jaringan keselamatan di rantau ini.

Perdana Menteri berkata, tabung yang dicadangkan itu boleh menjadi mekanisme serantau yang dapat memahami lebih baik lagi realiti dan keperluan negara anggota ASEAN serta mencadangkan langkah pemulihan yang lebih sesuai.

Dalam ucapannya pada sesi pembukaan dan pleno Sidang Kemuncak ASEAN Ke-42 2023 di sini, Anwar menyambut baik deklarasi pemimpin untuk menggerakkan kesalinghubungan pembayaran serantau dan menggalakkan urusan niaga mata wang tempatan.

Inisiatif itu, katanya akan dapat meningkatkan penggunaan mata wang tempatan untuk menyokong pelaburan dan perdagangan rentas sempadan di ASEAN.

Mengenai Visi Pasca Komuniti ASEAN 2025, Perdana Menteri berkata, ASEAN perlu dapat

mempamerkan keyakinan dan kesediaan yang lebih tinggi untuk merebut peluang bagi membawa perubahan positif kepada rakyat dan rantau ini.

Rantau ini akan menerima pakai Visi Pasca Komuniti ASEAN 2025 dalam masa dua tahun lagi untuk melancarkan laluan strategik ASEAN bagi tempoh dua dekad akan datang.

"Visi ASEAN pasca 2025 seperti dibincangkan kumpulan tokoh terkemuka pada peringkat awal perbincangan perlu mengutamakan keperluan dan kesejahteraan rakyat kita dalam agenda penyepaduan serantau," katanya.

Tambah baik keberkesanan

Anwar berkata, visi itu juga perlu memberikan penekanan kepada keterangkuman, kemampuhan, transformasi dan responsif serta menambah baik kapasiti dan keberkesanan institusi ASEAN.

Selain itu, katanya, ia juga perlu mengukuhkan geopolitik dan geoekonomi ASEAN dan membentuk ketertiban antarabangsa yang adil dan beretika.

"Saya fikir visi itu nampaknya sangat konsisten dalam apa yang kita panggil di Malaysia sebagai Malaysia MADANI," katanya.

Perdana Menteri dan pemimpin ASEAN lain menghadiri sidang kemuncak itu untuk membincangkan beberapa isu kepentingan bersama kepada perkumpulan serantau berkenaan.

Seramai lapan ketua kerajaan dari 10 negara anggota ASEAN menyertai sidang kemuncak itu kecuali Myanmar yang tidak dijemput, manakala Thailand pula

akan mengadakan pilihan raya pada 14 Mei ini.

Yang turut hadir, Setiausaha Agung ASEAN, Dr Kao Kim Horn dan Perdana Menteri Timor Leste, Taur Matan Ruak.

Pada persidangan sama, pemimpin ASEAN melahirkan rasa bimbang terhadap keganasan yang masih berterusan di Myanmar, khususnya serangan bersenjata ke atas konvoi kemanusiaan.

Dalam satu kenyataan, pemimpin ASEAN menggesa semua bentuk keganasan dan penggunaan kekerasan dihentikan segera bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk membolehkan penyampaian bantuan kemanusiaan yang selamat dan cepat serta dialog nasional yang inklusif dapat diadakan.

Selain itu, pemimpin ASEAN turut menyokong kenyataan yang dikeluarkan pada 8 Mei lalu oleh Presiden Indonesia, Joko Widodo, selaku Pengerusi ASEAN sebagai tindak balas terhadap serangan ke atas konvoi Pusat Penyelarasan Bantuan Kemanusiaan Bagi Pengurusan Bencana ASEAN (Pusat AHA) dan Pasukan Pemantau ASEAN di Myanmar baru-baru ini.

"Kami mengutuk serangan itu dan dalangnya mesti bertanggungjawab," kata mereka.

Pemimpin ASEAN turut menyokong usaha Joko Widodo, termasuk pembabit berterusan beliau dengan semua pihak berkepentingan di Myanmar, untuk menggalakkan kemajuan dalam pelaksanaan Konsensus Lima Perkara. BERNAMA